


**PUSAT SUMBER
FAKULTI ALAM BINA**



FAB30000011189

**“KAJIAN KAREKTERISTIK PELANCONGAN MAKANAN
KAJIAN KES: BANDAR GEORGETOWN”**

QUZARINA SYAZAREEN BINTI ALI HUDIN

**Tesis ini dikemukakan sebagai
memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Perancangan Bandar Dan Wilayah**

**Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia**

ABSTRAK

Kepentingan makanan terhadap industri pelancongan dilihat semakin meningkat terutamanya di Malaysia. Ia menjadi produk bernilai bagi mempromosikan negara ini sebagai destinasi pelancongan yang menyajikan pelbagai keunikan budaya dan warisan. Pada tahun 2007, pelancong membelanjakan 18 peratus daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan mereka untuk makanan. Jumlah peratusan itu menyumbang sebanyak RM8.4 juta kepada pendapatan negara. Namun, karakteristik atau ciri-ciri pelancongan makanan ini masih kurang difahami akibat kurangnya kajian berkenaan pelancong dan senario semasa pelancongan makanan di Malaysia. Oleh itu, kajian ini dilakukan bagi mengenalpasti karakteristik kategori pelancongan makanan di bandar warisan dunia UNESCO, Georgetown yang terkenal dengan kepelbagaian makanan tempatan. Kajian ini adalah berdasarkan pernyataan '*special interest in food*' yang mengambilkira motivasi pelancong dan perilakunya ketika melawat kawasan kajian. Pemahaman yang jelas berkenaan karakteristik pelancong adalah penting untuk mengenalpasti kriteria-kriteria yang perlu di ambil kira ke arah pembangunan pelancongan makanan yang berkesan. Hasil kajian mendapati bahawa profil pelancong, tarikan menarik kawasan, makanan identiti kawasan serta lokasi dan persekitaran merupakan antara kriteria-kriteria penting yang perlu diambil kira ketika merancang atau ingin menjadikan sesebuah kawasan sebagai kawasan pelancongan makanan. Selain itu, kebersihan dan keselesaan, promosi serta identiti sesebuah restoran haruslah di titikberatkan agar dapat menarik serta mengekalkan kunjungan pelancong domestik dan luar negara.

ABSTRACTS

Importance of food towards tourism industry seems rising up especially in Malaysia. It is a valuable product in order to promote the country as a tourist destination that offers variety of unique culture and heritage. In 2007, tourists spent 18 percent of the total expenditure for their food. Total percentage is contributed RM8.4 million for national income. However, characteristics or features of food tourism is still less understood due to lack of relevant studies on tourist and food tourism current scenarios in Malaysia. Therefore, this study was conducted to identify characteristics of food tourism category in UNESCO world heritage city, Georgetown that was known for its diversity of local food. This study is based on the statement of '*special interest in food*' which counting motivation and attitude of tourists while visiting the study area. A clear understanding of the travelers' characteristics is important to identify criteria that must be taken into account towards the effectiveness development of food tourism. Results of the study found that traveler's profiles, area attractions, food area identity and location and the environment are among the important criteria that have to be consider in developing food tourism area. In addition, the cleanliness and comfort, campaign, and identity of restaurant should be counting in order to attract and retain the domestic and foreign tourist visitation.